

Memerangi propaganda siber rekrut militan

Ancaman pengaruh daripada kumpulan pegganas berbentuk militan semakin serius kebelakangan ini. Ia kelihatan mula menular ke negara ini.

Kebanyakan ancaman pengaruh ini disalurkan melalui kemudahan komunikasi internet seperti Facebook kerana ia dilihat kumpulan sebagai saluran mudah bagi menyalurkan segala propaganda song-sang mereka bagi mempengaruhi masyarakat umum. Justeru, kerjasama semua pihak perlu bagi memastikan pengaruh negatif kumpulan terbabit tidak terus dibiarkan meracuni fikiran masyarakat.

Aspek pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diambil dengan segera oleh pihak yang berkaitan dengan isu ini seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang mempunyai kuasa di bawah akta masing-masing untuk mengambil langkah pemantauan, pencegahan, serta tindakan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Kerjasama erat daripada badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan juga adalah perlu dalam membendung isu ini.

Ancaman militan

Sejak kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan pelbagai maklumat yang merumuskan bahawa sasaran penyaluran ancaman pengaruh kumpulan pegganas serta militan terbabit mula menular bukan sahaja membabitkan golongan dewasa malah generasi muda yang masih belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

Kegiatan terbabit juga sudah mula mempengaruhi pelajar di bangku sekolah. Terbaharu, seorang pelajar perempuan berusia 14 tahun dilaporkan ditahan polis di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana dipercayai cuba menyertai kumpulan pegganas militan Negara Islam (IS) di Syria.

Mengikut laporan, pelajar perempuan terbabit membuat persiapan untuk melakukan perjalanan ke Syria menerusi Mesir dan pihak polis juga percaya gadis berkenaan terpengaruh dengan dakwah yang diperolehi melalui Facebook.

Pelajar perempuan itu dilaporkan ditahan reman kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Bab VI A Kesalahan Berkaitan Dengan Keganasan, Kanun Keseksaan (Akta 574) dan akan disiasat mengikut prosedur Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 SOSMA (Akta 747).

Persoalannya mengapakah kumpulan pelajar yang berada di IPT dan sekolah menjadi sasaran kumpulan terbabit? Jawapannya agak mudah. Mereka dalam umur ling-

kungan umur 13 hingga 25 tahun adalah golongan yang paling mudah untuk dipengaruhi. Antara sebab lain ialah kerana penggunaan media sosial bentuk baharu seperti Facebook, Twitter dan lain-lain menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian golongan terbabit.

Bukan sahaja landasan media sosial menjadi saluran komunikasi utama kumpulan anak muda, malah ia juga sentiasa dianggap sebagai satu-satunya sumber maklumat utama dan sah bagi mereka.

Selain agensi yang berkaitan, peranan ibu bapa juga penting bagi membendung masalah yang membabitkan anak mereka ini daripada menjadi serius. Suka atau tidak, ibu bapa kini menggalas tanggungjawab besar untuk memastikan anak mereka menggunakan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dengan cara betul serta selamat daripada sebarang pengaruh yang boleh merosakkan.

Mencegah lebih baik

Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada merawat, justeru ibu bapa perlu sentiasa memantau penggunaan internet oleh anak dan sentiasa peka jika ada perubahan ketara terhadap kelakuan, karakter atau personaliti anak mereka.

Guru serta pihak pentadbir di universiti dan kolej juga berperanan membendung masalah terbabit dengan sentiasa memantau aktiviti dan program dijalankan oleh pelajar serta penuntut. Jika ada perkara yang meragukan, ia hendaklah dilaporkan kepada pihak berwajib dengan segera.

Pada masa sama, pelajar atau penuntut yang disyaki perlu dihantar segera untuk kaunseling bagi proses penilaian. Pihak kerajaan boleh menguatkuasa segala peruntukan berkaitan bagi membendung masalah terbabit daripada menular dan mempengaruhi kanak-kanak dan remaja kita seperti yang terdapat dalam Kanun Keseksaan yang baharu dipinda pada tahun 2012 yang telah mewujudkan kesalahan baharu untuk menangani ancaman pegganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang mungkin dapat menjejaskan demokrasi berparlimen negara kita serta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Jika ia tidak mencukupi maka perlu diadakan undang-undang khas seperti Akta Keganasan bagi menangani kegiatan militan atau kumpulan ala pegganas daripada terus berleluasa dalam alam siber ataupun menambah kuasa pencegahan dan penguatkuasaan agensi berkaitan.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)